

## Hari Terbuka Asasi Sains UMS Meriah

Terakhir dikemaskini: Rabu, 28 Mac 2018 15:58 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 471

[Kongsi 57](#)[Syorkan 57](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**RABU, 28 MAC** - Hari Terbuka Asasi Sains, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berlangsung meriah dengan kehadiran masyarakat sekitar dan para pelajar sekolah menengah yang datang bertandang.

Kemeriahan itu disemarakkan lagi melalui pelbagai aktiviti dan jualan aneka makanan dan pameran di dalam bangunan dan perkarangan PPST.

Tinjauan media Komunikasi Strategik mendapati para pelajar sekolah menengah yang hadir tidak melepaskan peluang untuk menyertai aktiviti seperti demonstrasi ujikaji makmal, pameran projek fizik dan mengunjungi setiap gerai pameran akademik.

Bagi warga UMS dan masyarakat setempat, deretan gerai serta *food truck* menjadi destinasi utama untuk urusan jual beli makanan dan minuman dengan harga yang berpatutan.

Turut menjadi tumpuan ialah taklimat akademik yang menyaksikan para pelajar diberi penerangan tentang kriteria kemasukan ke program Asasi Sains UMS selain topik yang membincangkan tatacara mengisi borang UPU online dan pengiraan merit di pusat asasi berkenaan.

Program sehari itu turut diserikan dengan acara cabutan bertuah dan aktiviti *Young Scientist Sci-show*.